



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Emel : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>



22 November 2017

**Kenyataan Media YB Dato' Sri Hasan Arifin, Pengerusi Jawatankuasa
Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Berhubung Pembentangan
Laporan PAC Parlimen Pengurusan Projek-Projek Pembinaan Sekolah
Menengah Kebangsaan Agama dan Kemudahan Lain Yang Berkaitan di
bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).**

- 1) PAC Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC berhubung Pengurusan Projek-Projek Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Kemudahan Lain Yang Berkaitan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- 2) Isu ini adalah penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2014 Siri 3 yang dibentangkan di Parlimen pada 23 November 2015.
- 3) PAC Parlimen mengadakan Mesyuarat Prosiding berhubung isu ini, pada 18 Mac 2017 dengan memanggil Ketua Setiausaha KPM, Dato' Sri Alias Ahmad bagi menjelaskan isu yang dibangkitkan JAN.
- 4) Dalam Mesyuarat Prosiding berkenaan, ahli-ahli PAC Parlimen membangkitkan isu-isu seperti berikut:
 - i) Surat Setuju Terima (SST) lewat dikeluarkan.
 - ii) Kontrak Lewat Ditandatangani.

- iii) Lukisan Siap Kerja (As-Built Drawing) Lewat Dikeluarkan.
 - iv) Reka Bentuk Pembinaan Yang Tidak Praktikal/Tidak Sesuai.
 - v) Kualiti Kerja Pembinaan Tidak Memuaskan.
 - vi) Kerja/Peralatan Yang Dilaksanakan/Dibekalkan Tidak Mengikut Lukisan Kontrak/Spesifikasi Yang Ditetapkan.
 - vii) Cat Luntur Di Bahagian Luar Dinding dan Bumbung Bangunan SMKA SHOAW.
 - viii) Pemasangan Lif Tidak Mengikut Spesifikasi Kontrak Di SMKA(P) Al-Mashoor.
 - ix) Kerosakan Atau Kecacatan Dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) Belum Diambil Tindakan.
 - x) Pengurusan Bayaran Tidak Teratur.
 - xi) Peralatan Dan Kemudahan Tidak Digunakan.
- 5) Berdasarkan Mesyuarat Prosiding berkenaan, PAC Parlimen merumuskan bahawa:
- i) Projek pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) yang dilaksanakan secara rundingan terus atau tender terhad dan dipantau oleh juruperunding menghadapi banyak masalah. Juruperunding gagal memastikan kontraktor mematuhi reka bentuk yang disediakan seperti dalam kes sesalur lif tidak mengikut saiz. Syarikat juruperunding juga tidak mempunyai kakitangan yang berpengalaman di tapak projek bagi tujuan pemantauan menyebabkan banyak kerja-kerja yang tidak mengikut spesifikasi.
- 6) Berikutan itu, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan supaya:
- i) Pemilihan kontraktor bagi melaksanakan projek-projek Kerajaan perlu dibuat secara tender terbuka dan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya;

- ii) Panggilan tender dilakukan hanya setelah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang (KM) daripada Pihak Berkuasa Tempatan bagi mengelakkan masalah di tapak;
 - iii) Tindakan lebih tegas perlu diambil terhadap kontraktor, juruperunding dan pembekal sekiranya mereka gagal untuk membekal atau memasang komponen projek terutama komponen yang memberi kesan terhadap kefungisian (functionality) projek berkenaan.
 - iv) Menyengaraihitamkan kontraktor dan juruperunding yang gagal melaksanakan projek seperti dalam tender sebagai pengajaran kepada kontraktor-kontraktor lain.
- 7) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC berhubung Pengurusan Projek-Projek Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Kemudahan Lain Yang Berkaitan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) boleh memuat turun (*download*) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac